

TARIKH : 6 APRIL 2021  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 37

# Kerajaan terima permohonan RM900 bilion bagi RMK-12

**PETALING JAYA** – Kerajaan telah menerima permohonan sebanyak RM900 bilion daripada Kementerian dan kerajaan negeri bagi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, bagaimanapun sebanyak RM69 bilion telah diperuntukkan pada tahun ini untuk perbelanjaan pembangunan.

Menurutnya, perbelanjaan tersebut adalah yang tertinggi dalam beberapa tahun sebelum ini daripada segi peruntukan tahunan.

"Namun, keutamaan kita ketika ini adalah untuk mengatasi (krisis) Covid-19," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi taklimat media tentang pemulihan ekonomi bersama Pengasas dan Pengerusi Sunway Group, Tan Sri Dr. Jeffrey Cheah di Universiti Sunway semalam.

RMK-12 adalah pelan pembangunan jangka panjang negara yang bermula tahun ini,

sebagai kesinambungan kepada RMK-11 yang berakhir tahun lalu.

Pelan tersebut masih belum dibentangkan di Parlimen selepas beberapa kali ditangguhkan akibat pandemik Covid-19.

Selain itu, Mustapa menjelaskan, kerajaan akan memberi keutamaan kepada sektor kesihatan dalam RMK-12 bagi mempercepat usaha negara keluar daripada krisis kesihatan dan ekonomi.

Tambah beliau, kerajaan menyedari pelbagai keperluan rakyat yang perlu dipenuhi ketika ini, maka usaha untuk keluar segera daripada krisis ini perlu dipergiat.

Bagaimanapun, dalam masa sama, kerajaan tetap meneroka pelbagai usaha untuk mengatasi permasalahan lain seperti kadar pengangguran yang tinggi.

"Pelbagai sumber telah disalurkan kepada sektor kesihatan kerana nyawa rakyat adalah sangat penting," ujarnya.